

18/10/2003

Usaha cari mangsa tertimbus diteruskan

LANGKAWI: Pasukan penyelamat semalam memutuskan usaha mencari pekerja, Roslan Long, 33, yang dikhuatiri mati tertimbus dalam runtuh tanah di Kilometer 5.9 Jalan Gunung Raya, diteruskan sambil berharap cuaca cerah untuk beberapa hari akan datang.

Berikutan itu, pekerja memulakan kerja membersihkan timbunan batu-bata, tanah dan pokok tumbang sepanjang kira-kira 20 meter jalan di situ yang menyebabkan perhubungan ke puncak gunung itu, terputus sejak Selasa lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Ku Nahar Ku Ibrahim, berkata usaha itu dilakukan dengan berhati-hati kerana struktur tanah di lereng gunung masih tidak stabil dan khuatir runtuh berulang.

"Kita memerlukan sekurang-kurangnya empat hari cuaca yang cerah untuk meningkatkan usaha mencari mangsa. Sebelum ini kita tidak dapat berbuat demikian kerana hujan sejak beberapa hari lalu.

"Usaha mencari Roslan akan diteruskan sambil mendapatkan nasihat pakar tanah Jabatan Kerja Raya yang memantau keadaan keselamatan di situ," katanya ketika ditemui pemberita selepas melawat isteri mangsa, Noor Sahidah Chin, 30, di rumahnya di Kampung Bukit Tok Puteri di sini, semalam.

Ku Nahar yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menyampaikan sumbangan kerajaan negeri sebanyak RM3,000 kepada Noor Sahidah bagi membantu meringankan beban keluarga itu.

Beliau yang diiringi timbalannya, Datuk Ahmad Abdullah yang juga Pengerusi Bilik Gerakan Bencana Alam Kedah, sebelum itu melawat kawasan runtuh.

Roslan bersama dua lagi rakannya sedang membersihkan runtuh tanah yang berlaku sebelum itu ketika kejadian berulang kira-kira jam 2.30 petang, Selasa lalu. Dua rakannya itu, Wan Daud Yaacob dan Tang Kok Keen, masing-masing berusia 37 tahun, terselamat.

Ku Nahar berkata, 46 anggota penyelamat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, polis, Jabatan Pertahanan Awam dan JKR, sudah diarahkan mengambil langkah berjaga-jaga demi keselamatan mereka.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kerajaan negeri akan mengemukakan laporan kepada Kerajaan Pusat mengenai kejadian tanah runtuh di Gunung Raya itu, tidak lama lagi.

Ditanya kemungkinan Jalan Gunung Raya terus ditutup berikutan kejadian itu, beliau berkata, ia akan diteliti.

Puncak Gunung Raya dengan ketinggian 881 meter dari aras laut itu menempatkan Rumah Kabinet, yang digunakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan Mesyuarat Kabinet pada 1 Oktober lalu.